

Pejabat Pendaftaran Paten
Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)
Arahan Praktis No.: 3/ 2016

NOTIS

PERKARA BERKENAAN TAMBAHAN TUNTUTAN DALAM PEMFAILAN PERMOHONAN PATEN

Notis ini telah dikeluarkan oleh Pendaftar untuk memaklumkan Pejabat Pendaftaran Paten akan mengeluarkan dan merekod tarikh pemfailan bagi permohonan paten, pemohon hendaklah memenuhi semua syarat sepertimana diperuntukan dibawah Seksyen 28 Akta Paten 1983 termasuk semua bayaran fi bagi mendapatkan suatu tarikh pemfailan.

Sekiranya Pejabat Pendaftaran Paten mendapati tiada bayaran fi terhadap tambahan tuntutan (*additional claims*) bagi permohonan paten yang dikemukakan, pemohon hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya dengan bayaran tuntutan tambahan tersebut selepas dimaklumkan oleh Pejabat Pendaftaran Paten.

Pendaftar akan merekodkan tarikh penerimaan pembayaran fi yang ditetapkan, termasuk bayaran tuntutan tambahan (jika ada), adalah sebagai tarikh pemfailan mengikut peruntukan Seksyen 28(3) Akta Paten 1983.

Sekiranya Pejabat Pendaftaran Paten mendapati terdapat mana-mana kekurangan amaun bagi pemfailan yang telah diterima, sila ambil maklum bahawa ianya akan menjejaskan pengeluaran sijil pemfailan bagi permohonan paten tersebut.

Sekiranya ada sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi En. Noorhisham b. Othman (03-22998812) atau Pn. Nor Hashila bt. Mohd. Hassim (03-22998810)

Notis ini berkuatkuasa dari tarikh surat ini

Bertarikh 01 Jun 2016



Dato' Shamsiah Kamaruddin
Pendaftar Paten